



INTERNATIONAL JOURNAL OF
HERITAGE, ART AND MULTIMEDIA
(IJHAM)
www.ijham.com



**SUMBER-SUMBER BAHAN DI ARKIB NEGARA MALAYSIA
MENGENAI PENTADBIRAN BRITISH DI TANAH MELAYU
ANTARA TAHUN 1786- 1957**

*SOURCE IN THE NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA RELATING TO THE
ADMINISTRATION OF BRITISH MALAYA IN BETWEEN 1786-1957*

Zaidin Mohd Noor^{1*}, Khairi Ariffin²

- ¹ Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: zaidinmohdnoor@gmail.com
- ² Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: Khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 14.01.2021
Revised date: 01.02. 2020
Accepted date: 25.02.2021
Published date: 03.03.2021

To cite this document:

Noor, Z. M., & Ariffin, K. (2021).
Sumber-Sumber Bahan Di Arkib
Negara Malaysia Mengenai
Pentadbiran British Di Tanah Melayu
Antara Tahun 1786-1957.
International Journal of Heritage, Art
and Multimedia, 4 (12), 28-38.

DOI: 10.35631/IJHAM.412003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kertas kerja ini akan memberi fokus kepada sumber-sumber bahan pada zaman pentadbiran British di Tanah Melayu yang disimpan di Arkib Negara Malaysia (ANM) merangkumi tahun-tahun 1786 hingga 1957. Bahan pada zaman pentadbiran British merupakan kumpulan rekod yang terbesar, agak lengkap dan amat popular dalam kalangan penyelidik khusus yang menjalankan kajian berkenaan dengan keadaan sosial, ekonomi dan politik di Tanah Melayu pada abad 18 hingga 20. Pada zaman ini juga terdapat pelbagai peristiwa besar yang berlaku telah merubah sejarah negara samada sebelum dan selepas negara mencapai kemerdekaan. Sepanjang tempoh pentadbiran British di Tanah Melayu terdapat sebanyak 958 kumpulan rekod yang mengandungi sebanyak 714,634 buah fail dan 3,652,691 helai lampiran yang terdapat dalam simpanan ANM. Bagi tujuan kertas ini kumpulan rekod dan diskripsi rekod akan membincangkan lima kumpulan rekod sahaja iaitu Setiausaha Kerajaan Selangor, Federal Secretariat, High Commissioner Office, Malayan Union dan British Military Administration. Kumpulan ini merupakan kumpulan rekod utama yang telah mencorakkan pemerintahan negara pada zaman pentadbiran British di Tanah Melayu. Kesemua metadata bahan kumpulan rekod ini telah dimasukkan dalam Sistem COMPASS (*Computerised Archival System and Services*). Walaupun terdapat pelbagai bahan lain dalam simpanan Arkib Negara Malaysia seperti bahan-bahan semasa zaman Portugis, Belanda dan juga Jepun, namun disebabkan jumlah bahannya yang agak sedikit ditambah dengan kekangan dari segi bahasa

menjadikan bahan-bahan pada zaman tersebut kurang popular dalam kalangan penyelidik terutama penyelidik dalam negara.

Kata Kunci:

Pentadbiran British, Kemerdekaan, Rekod-Rekod, Diskripsi Rekod, Metadata

Abstract:

This paper aims at the archival sources from the interval the British administered Malaya ranging from the year 1786 to 1957 kept in the National Archives of Malaysia (NAM). The British Administration records were the biggest and virtually complete collection found in NAM and the most popular among researchers who perform the study relating to social, economic, and political in Malaya from the 18th to 20th century. These records shrouded vast of major historical events that happen in Malaya either before and after independence. During the British Malaya epoch, there are as many as 958 sets of record groups containing as many as 714,634 files and 3,652,691 pieces of attachments preserved in NAM. The purpose of this paper is to discuss the record groups and record descriptions, namely the Selangor State Secretary, the Federal Secretariat, the High Commissioner Office, the Malayan Union, and the British Military Administration. These groups are collections of prime records that shaped the country during the existence of the British administration in Malaya. All metadata of these record groups have been included in the COMPASS System (Computerized Archival System and Services). Although there are various other materials in NAM such as materials during the Portuguese, Dutch, and even Japanese invasions, due to the relatively small amount of material added with language constraints make the materials at that timeless popular among researchers, especially the local researchers.

Keywords:

British Administration, Independence, Records, Description Of Records, Metadata

Latar Belakang

Arkib Negara Malaysia (ANM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 1957 dengan nama asalnya Pejabat Rekod Awam Persekutuan Tanah Melayu. Usaha-usaha ke arah penubuhan ANM ini bermula apabila pejabat Setiausaha Tanah Jajahan, London telah mengarahkan satu kajian dijalankan ke atas rekod rasmi yang berada di dalam simpanan jabatan kerajaan di Tanah Melayu. Kajian telah bermula pada tahun 1950, dan satu laporan telah dikemukakan kepada pejabat Setiausaha Tanah Jajahan pada tahun 1956. Hasil daripada laporan ini pada 1 Disember 1957 telah ditubuhkan Pejabat Rekod Awam Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1963 nama Pejabat Rekod Awam telah ditukarkan kepada Arkib Negara Malaysia. (Arkib Negara, First Ten Years 1967)

Dengan tertubuhnya ANM serta melalui penguatkuasaan Akta Arkib Negara Malaysia No. 44/1966, kemudian digantikan dengan akta baru iaitu Akta No. 629/2003 telah memberi kuasa dan tanggungjawab kepada ANM memperoleh, menyimpan dan memelihara rekod berkenaan dengan negara ini terutamanya rekod awam yang dikeluarkan oleh jabatan kerajaan. Perkara 2, Tafsiran dalam Akta ANM No. 629/2003 menyata rekod awam adalah:

Rekod awam ertinya rekod yang diterima secara rasmi atau dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam bagi perjalanan hal ehwalnya atau mana-mana perkhidmat awam atau pekerja pejabat awam dalam perjalanan tugas rasminya dan termasuk mana-mana perusahaan kerajaan dan juga termasuk segala rekod yang pada permulaannya kuatkuasa akta ini, adalah dalam jagaan atau di bawah kawalan Arkib Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Arkib Negara.

ANM sebagai sebuah institusi penyimpan dan memelihara rekod sejarah negara mengamalkan prinsip *total archives* iaitu mengambil pendekatan tidak sahaja menumpukan kepada perolehan rekod rasmi dari jabatan kerajaan tetapi juga rekod persendirian. Begitu juga jenis rekod pula tidak terhad kepada rekod dalam bentuk kertas sahaja tetapi dalam pelbagai bentuk termasuk juga bahan pandang dengar seperti kaset, video, filem, CD dan DVD. Dalam tafsiran Akta ANM 629/2003 menyatakan Rekod Persendirian ialah:

Ertinya rekod orang perseorangan dan agensi, institusi dan organisasi bukan kerajaan.

Sejak penubuhan hingga ke hari ini, ANM telah menyimpan rekod-rekod rasmi kerajaan dan rekod persendirian yang bernilai kebangsaan dan mempunyai kepentingan kepada negara. Dalam kajian ini akan membincangkan sumber-sumber bahan dalam bentuk fail sahaja yang terdapat dalam simpanan ANM semasa pentadbiran British di Tanah Melayu di antara tahun 1786 – 1957. Arkib Negara Malaysia juga menyimpan rekod dalam bentuk terbitan, peta, plan dan sebagainya pada zaman pentadbiran British di Tanah Melayu.

Kumpulan rekod zaman pentadbiran British di Tanah Melayu merupakan kumpulan yang terbesar, agak lengkap dan amat popular di kalangan penyelidik bagi menjalankan penyelidikan di ANM. ANM juga menyimpan rekod zaman pentadbiran Portugis, Belanda dan Jepun.

Permasalahan Kajian

Fungsi dan tanggungjawab ANM sebagai tempat penyimpanan dan pemeliharaan rekod tidak terhad kepada rekod kerajaan selepas negara mencapai kemerdekaan. Rekod-rekod berkenaan dengan pentadbiran negara sebelum merdeka juga disimpan dan dipelihara di ANM. Di antara kumpulan rekod utama yang di simpan oleh ANM sebelum negara mencapai kemerdekaan adalah rekod semasa pentadbiran British di Tanah Melayu. Kumpulan rekod ini meliputi tahun 1786-1957.

Bagi kajian ini lima kumpulan rekod sahaja yang akan dibincangkan iaitu Setiausaha Kerajaan Selangor, Federal Secretariat, High Commissioner Office, Malayan Union dan British Military Administration yang terdapat dalam ANM. Sepanjang tempoh pentadbiran British di Tanah Melayu terdapat sebanyak 958 kumpulan rekod yang mengandungi sebanyak 714,634 buah fail dan 3,652,691 helai lampiran yang terdapat dalam simpanan ANM. (ANM, 2005, Sistem COMPASS)

Rekod-rekod ini mencakupi pelbagai perkara dan subjek dan amat popular di kalangan penyelidik namun begitu berdasarkan jumlah bahan dan rujukan kumpulan rekod ini masih lagi tidak meluas disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kekurangan pengetahuan berkenaan

dengan senarai kumpulan rekod ini yang terdapat di dalam simpanan ANM, kemahiran menjalankan penyelidikan di ANM serta terdapat juga tempat-tempat lain yang juga boleh merujuk kepada kumpulan rekod zaman ini seperti di Public Record Office di London, British Library dan Imperial War Museum. Pada hakikatnya fungsi dan tanggungjawab yang dijalankan oleh ANM adalah mampu untuk memenuhi keperluan penyelidikan berkaitan zaman pentadbiran British di Tanah Melayu berdasarkan kepada jumlah kumpulan rekod zaman tersebut yang terdapat dalam simpanan ANM.

Skop Kajian

Penulisan dalam kajian ini memberi fokus kepada kumpulan rekod zaman pentadbiran British di Tanah Melayu di antara 1786 sehingga 1957. Rekod-rekod yang diwujudkan oleh pentadbiran British di Tanah Melayu mempunyai struktur yang jelas dan teratur. Semua rekod telah dibahagikan kepada dua peringkat utama iaitu rekod peringkat persekutuan dan negeri. Pembahagian rekod ini berdasarkan fungsi dan tugas setiap jabatan yang diwujudkan. Rekod yang diwujudkan ini dapat memberikan gambaran yang jelas dan teratur ke atas tindakan yang diambil dalam melaksanakan sesuatu fungsi dan aktiviti sesebuah jabatan kerajaan. Sebahagian besar rekod tersebut terdiri daripada surat menyurat, memo, minit mesyuarat, laporan, kertas makluman dan lain-lain lagi.

Sepanjang tempoh 1786 hingga 1957 terdapat beberapa perubahan dalam pendekatan pentadbiran pihak British di Tanah Melayu berasaskan perluasan penguasaan pihak British di Tanah Melayu. Bermula dengan Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 menjadi asas pertapakan di Tanah Melayu. Negeri-negeri Melayu telah dibahagikan kepada beberapa struktur pentadbiran tertentu iaitu Negeri-negeri Selat(NNS), Negeri-negeri Melayu Bersekutu(NNMB), Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu(NNMTB). Selepas pendudukan Jepun pada tahun 1945 pihak British telah mewujudkan tiga bentuk iaitu British Military Administration(BMA), Malayan Union(MU) dan Persekutuan Tanah Melayu(PTM). Walaupun terletak dibawah pentadbiran British secara keseluruhan namun pihak British telah membahagikan pentadbiran berdasarkan keperluan semasa dengan disesuaikan keadaan di negara ini.

Tinjauan Kajian

Kepentingan sumber-sumber yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia adalah diakui dan banyak membantu penyelidikan para pengkaji dalam atau luar negara. Kepentingan sumber-sumber ini jelas sebagai mana dalam kajian yang dibuat oleh Francis Loh Kok Wah (1997). Beliau telah membahaskan kepentingan sumber-sumber pensejarahan industri bijih timah di Tanah Melayu pada zaman British di Tanah Melayu. Loh Kok Wah telah mengambil beberapa sumber berbentuk rekod rasmi yang ditulis pada zaman British seperti Laporan Suruhanjaya Lemon 1918, Federal Council Proceeding 29 April 1929 dan sebagainya.

Selain itu, terdapat penyusunan semula sumber-sumber berkaitan perjanjian lama yang dihasilkan dalam bentuk buku iaitu Perjanjian Dan Dokumen lama 1795-1965.(ITNM, 2000) Dalam buku ini telah dimuatkan 25 dokumen perjanjian yang telah ditulis semula dalam bahasa Melayu. Hasil penulisan dalam buku ini adalah amat penting bagi memelihara sumber-sumber lama agar ianya dapat dirujuk oleh generasi akan datang atau para penyelidik berkaitan.

Sumber-sumber yang terdapat di institusi lain juga mempunyai peranan yang sama sebagai mana jabatan Arkib Negara Malaysia dan di Malaysia terdapat juga tempat yang menjadi tempat simpanan bahan-bahan berkaitan. Penulisan oleh Raiha Mohd Saud(2008) menjelaskan

kepentingan Jabatan Muzium Negara dalam kajiannya yang bertajuk Pengurusan Warisan Negara: Usaha Kini Untuk Selamanya, yang menjelaskan tanggungjawab Bahagian Monumen dan Pusat Konservasi Negara terhadap penyimpanan sumber-sumber agar warisan negara tetap terpelihara.

Dapat disimpulkan di sini, sorotan kajian ringkas oleh penulis-penulis berkaitan membuktikan bahawa kepentingan sumber-sumber amat bermakna dalam membantu pengkaji menjalankan penyelidikan dan institusi yang terlibat mempunyai fungsi dan tanggungjawab tersendiri dalam menyimpan dan memelihara sumber-sumber berkaitan dengan sejarah negara Malaysia pada hari ini.

Kumpulan Rekod Zaman Pentadbiran British Di Tanah Melayu

Sepanjang tempoh pentadbiran British di Tanah Melayu terdapat sebanyak 958 kumpulan rekod yang mengandungi sebanyak 714,634 buah fail dan 3,652,691 helai lampiran yang terdapat dalam simpanan ANM. Kesemua bahan ini telah dibuat kemasukan metadata dalam sistem COMPASS (*Computerised Archival System and Services*). Bagi tujuan kertas ini kumpulan rekod dan diskripsi rekod akan membincangkan lima kumpulan rekod sahaja iaitu Setiausaha Kerajaan Selangor, Federal Secretariat, High Commissioner Office, Malayan Union dan British Military Administration.

Kumpulan Rekod Setiausaha Kerajaan Selangor

Sejarah Pentadbiran

Kumpulan Rekod Setiausaha Kerajaan Selangor telah diwujudkan secara rasminya apabila Sistem Residen diperkenalkan di negeri Selangor pada tahun 1875. Pentadbiran di bawah sistem residen British berakhir apabila perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 1 Februari 1948. Terdapat sebanyak 301,869 buah fail dalam kumpulan ini yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia.(ANM, 1996)

Diskripsi Bahan

Kumpulan rekod ini mempunyai fail-fail berkaitan dengan hal-hal pertadbiran negeri Selangor seperti perjawatan, pengambilan dan pembuangan kakitangan, pertukaran, persaraan, pakaian seragam kakitangan kerajaan, pembayaran gaji, pinjaman perumahan dan kenderaan; terdapat juga fail berkenaan dengan tanah iaitu permohonan mendapatkan tanah, geran, pindah milik, pembahagian tanah, pembinaan bangunan dan jalanraya serta perancangan dan pembangunan kawasan baru; import dan eksport barangan; perlombongan bijih timah; pengeluaran lesen candu dan tuak; perangkaan mengenai penduduk berdasarkan kaum; keperluan tenaga buruh dan pengambilan buruh dari China, India dan Pulau Jawa; laporan tahunan negeri dan jabatan kerajaan iaitu Jabatan Keretapi, Bomba, Penjara, Kerja Raya, Percetakan; dan maklumat berkenaan dengan sultan dan Pembesar Melayu iaitu berkaitan dengan sambutan hari keputeraan, kemangkatan, elaun, lawatan dan lain-lain lagi.

Kajian Kes – Sumber-Sumber Bahan Berkaitan Dengan Mat Kilau Dalam Kumpulan Rekod Setiausaha Kerajaan Selangor

Dalam Kumpulan Rekod Setiausaha Kerajaan Selangor terdapat lebih daripada 200 buah fail berkaitan dengan gerakan penentangan di Pahang yang pada umumnya disebut oleh pihak British sebagai *Pahang Disturbance*.(ANM, 2001) Kumpulan rekod ini mencatatkan kebanyakan peristiwa yang berlaku serta usaha-usaha pihak British untuk mematahkan penentangan orang-orang Melayu di Pahang pada ketika itu.

Antara maklumat yang terdapat dalam kumpulan rekod ini adalah pelbagai surat menyurat dan laporan berkenaan dengan kekacauan yang ditimbul, gerakan pembendungan oleh pihak British, permohonan tambahan anggota polis dari Selangor dan Perak, stok bekalan makanan, bayaran elaun, arahan-arahan daripada pejabat British di Singapura, telegraf mengenai ancaman keselamatan, surat terima kasih daripada kerajaan Pahang kepada kerajaan Selangor atas bantuan yang diberikan dan lain-lain lagi.

Daripada kumpulan rekod ini juga terdapat maklumat berkenaan gerakan yang dilakukan oleh Mat Kilau, jumlah pengikut, senjata yang digunakan, bekalan makanan, mengenai sokongan terbuka dan sulit yang diterima, penggunaan orang tempatan sebagai pemberi maklumat kepada pihak British, nama-nama mereka yang terlibat dalam penentangan, kubu-kubu dan kawalan yang dibina, nama-nama tempat yang disinggahi serta keraguan pihak British terhadap pembesar Melayu sama ada menyokong atau menentang pihak British.

Antara fail yang menyentuh berkenaan dengan pergolakan yang berlaku di Pahang ialah Fail No. 562/92 bertajuk *Pahang Disturbance – report from Col. Walker dated Raub 16th May 1892* memuatkan laporan mengenai kekacauan yang ditimbulkan oleh Mat Kilau dan pengikutnya di Budu dan akhirnya arahan dikeluarkan untuk menangkap Mat Kilau:

Under these circumstance, I telegraphed to H.E the Governor recommending that Mat Kilau should be arrested and called upon to surrender all suspects. H.E has approved this recommendation directing that To' Raja of Lipis (a friendly chief) should accompany me to Budu for the purpose, our party being supported by the Perak Sikhs.....(SUK Selangor, 562/1892,1892)

Seterusnya fail No 579/92 laporan bertajuk *Pahang Disturbance- Report from Col. Walker dated 24 May 1892* melaporkan usaha-usaha British membendung kegiatan Mat Kilau dan pengikut-pengikutnya yang membantu Dato' Bahaman menentang British. Terdapat juga maklumat berkenaan dengan kegagalan pihak British mengadakan rundingan dan mendapatkan kerjasama Mat Kilau supaya menyerah diri bersama-sama pengikutnya sehingga keluar arahan supaya Mat Kilau diperangi:

Mr. Clifford informs that he and his chiefs had done all they can to bring Mat Kilau in by negotiations that now it is left to the force to bring Mat Kilau in by force. (SUK Selangor, 572/92, 1892)

Usaha-usaha berterusan telah dijalankan oleh pihak British bagi menghapuskan gerakan Mat Kilau apabila usaha memburu dijalankan termasuklah dengan membakar rumah, beras dirampas, bekalan padi dimusnahkan serta sekatan dibuat di beberapa tempat bagi menyekat Mat Kilau dan pengikutnya:

...” found much paddy. Burnt all Mat Kilau houses, returned to camp around 5.30 pm..... entered Tulang Badang along struggling mukim..... burnt all houses and destroyed all paddy that was stored....”(SUK Selangor, 572/92, 1892)

Kumpulan Rekod High Commissioner Office

Sejarah Pentadbiran

Kumpulan Rekod Pejabat High Commissioner Office diwujudkan apabila Perjanjian Persekutuan ditandatangani pada 1896. Melalui perjanjian ini pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi yang beribu pejabat di Singapura. Beliau bertanggungjawab kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London dan juga hubungan di antara Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Terdapat sebanyak 37370 buah fail dalam kumpulan ini yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia. (Sistem COMPASS, ANM, 2005)

Diskripsi Bahan

Kumpulan rekod ini mengandungi maklumat berkenaan dengan hal ehwal pentadbiran Tanah Melayu sebagai sebuah negara jajahan British pada masa tersebut. Bahan terdiri daripada surat menyurat, laporan, minit mesyuarat, memorandum, ordinan, akta dan surat-surat pekeliling yang merupakan perhubungan antara Pejabat Pesuruhjaya Tinggi dengan Pejabat Setiausaha Tanah Jajahan, London, Residen General di Kuala Lumpur, Residen British di setiap negeri, ketua-ketua jabatan dan perhubungan dengan negara-negara luar.

Terdapat juga perkara-perkara yang berkaitan dengan penubuhan sistem pentadbiran British di Tanah Melayu; hubungan British dengan Raja-raja dan Pembesar Melayu berkaitan dengan pentadbiran negeri dan isu yang berbangkit di antara NNS, NNMB dan NNMTB seperti berkenaan dengan persempadanan dan kakitangan kerajaan; pembinaan kemudahan asas termasuklah pejabat kerajaan, jalanraya dan sekolah; pengwujudan perkhidmatan kesihatan dan perubatan; penubuhan perkhidmatan pos dan telegraf; pengurusan hal keselamatan seperti penubuhan pasukan polis; pentadbiran hal ehwal penduduk dan kemasukan buruh asing ke Tanah Melayu.

Di antara bahan berkaitan dengan sejarah negara dalam kumpulan rekod ini termasuk laporan Perjanjian Persekutuan dan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu; Persidangan Durbar yang pertama; Persidangan Residen British 1919, Pembentukan Majlis Persekutuan; Minit Mesyuarat dan pertanyaan daripada ahli berkenaan perkara termasuk isu pinjaman kepada kerajaan negeri di mesyuarat Federal Council pada tahun 1917 dan 1918; Perjanjian Anglo-Siam 1889 dan Perjanjian Bangkok 1909; Zaman kemelesetan ekonomi yang melanda Tanah Melayu; Isu dan masalah berkaitan dengan persempadanan di antara Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Reman. Terdapat juga masalah persempadanan dengan negara luar iaitu terutama dengan negeri-negeri di utara Tanah Melayu dengan Siam dan pelbagai dasar, ordinan, akta, peraturan yang diwujudkan untuk memudah dan melicinkan pentadbiran British di Tanah Melayu.

Terdapat juga maklumat berkenaan dengan lawatan Consul General Jepun ke NNMTB pada tahun 1918; Minit Mesyuarat Perlis State Council 1918; Pembinaan Tembok Johor 1918; Laporan berkenaan dengan Sekolah Melayu di NNMB dan NNS, cadangan melantik Malay Assistant Inspectors Sekolah Melayu 1918, laporan Jawatankuasa berkaitan dengan pelajaran teknikal dan industri di NNMB 1918, laporan daripada pakar berkenaan dengan Sistem Pelajaran di Malaya 1918, cadangan penubuhan pusat latihan kepada guru dan pengajian Al-Quran di Negeri Perak 1918; dan laporan berkenaan dengan buruh Jawa dan Cina di NNMB.

Bagi laporan tahunan pula terdapat laporan tahunan Negeri Sembilan 1896, Jabatan Pelajaran NNMB 1918. terdapat juga laporan yang dimajukan kepada parlimen di United Kingdom berkenaan dengan NNS, NNMB dan NNMTB.

Kumpulan Rekod Federal Secretariat

Sejarah Pentadbiran

Kumpulan rekod Federal Secretariat ini diwujudkan bermula dengan termetrainya Perjanjian Persekutuan pada tahun 1896 yang telah membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Federal Secretariat merupakan sebuah agensi pusat yang bertanggungjawab menyelia, menyelaraskan dan mengawal aktiviti-aktiviti jabatan/fungsi kerajaan British pada masa itu. Dengan kemasukan Jepun fungsi ini termansuh dengan sendirinya sehinggalah British Military Administration dibentuk pada tahun 1945. Terdapat sebanyak 6011 buah fail dalam kumpulan ini yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia. (Sistem COMPASS ANM, 2005)

Diskripsi Bahan

Kumpulan ini mengandungi fail-fail berkenaan perkhidmatan dan pentadbiran am termasuk berkenaan dengan kakitangan; Jawatankuasa Tenaga Kerja; Undang-undang berkaitan dengan pinjaman dan pemberi pinjaman, ordinan pemindahan kuasa, cadangan undang-undang berkenaan dengan orang buta; ringkasan akhbar; Laporan tahunan jabatan dan negeri antaranya ialah negeri Kelantan, Perlis, Perak, Pahang, Kedah; Laporan jabatan antaranya jabatan Laut, Muzium, Perangkaan, Parit dan Taliair, Pelajaran, Hutan, Perubatan, Perkhidmatan Haiwan, Kastam dan Eksais, Elektrik, Imigresen dan Perancang Bandar; Perangkaan mengenai import dan eksport; serta layanan ke atas banduan wanita di penjara dan rayuan daripada orang awam yang ditangkap.

Antara maklumat lain yang terdapat dalam kumpulan rekod ini termasuklah laporan masalah penyakit batuk kering serta langkah-langkah yang dijalankan untuk mengatasi masalah penyakit batuk kering di Tanah Melayu, penyakit malaria di North Borneo; surat menyurat dan laporan berkenaan dengan pengukuran dan penandaan sempadan Johor-Pahang dan Johor-Negeri Sembilan serta Melaka;; penggunaan bahasa Melayu dalam urusan surat menyurat; jawatankuasa Khas berkenaan dengan kedudukan dan status ekonomi orang Melayu; Ordinan Darurat 1948; penubuhan institusi pengajian tinggi di Malaya, Simposium berkaitan dengan Carr - Saunders Report, bantuan kepada pelajar di Mesir dan draf laporan jawatankuasa berkenaan dengan Malayanisation.

Di antara bahan berkaitan dengan sejarah negara dalam kumpulan rekod ini termasuk berkaitan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948; Cadangan dan pemilihan ahli untuk dilantik sebagai ahli Federal Council and Settlement Council dan pengenalan Sistem ahli pada tahun 1951; peraturan berkenaan dengan pilihanraya kerajaan tempatan; resolusi yang diluluskan oleh Persidangan UMNO berkaitan dengan usaha-usaha meningkatkan pelajaran di sekolah Melayu, resolusi yang diluluskan oleh Persidangan Islam di Gunung Semanggol, Perak pada tahun 1948 serta Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA); serta mesyuarat pertama Pilgrimage Advisory Committee pada 20-21 Ogos 1949.

Kumpulan Rekod British Military Administration

Sejarah Pentadbiran

Kumpulan rekod ini telah diwujudkan apabila British Military Administration (BMA) mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu selepas tamat Perang Dunia Kedua dengan penyerahan tentera Jepun kepada pihak British. BMA mentadbir Tanah Melayu di antara tahun 1945 hingga 1946. Pentadbiran Tanah Melayu kemudian diambil alih semula oleh kerajaan awam melalui Malayan Union yang ditubuhkan pada 1 April 1946. Semasa pentadbiran BMA di Tanah Melayu, kumpulan rekod telah diwujudkan untuk kegunaan rujukan dan pengurusan organisasi pihak British di Tanah Melayu. Rekod BMA ini diwujudkan sejak pentadbirannya bermula dari tahun 1945 hingga tahun 1946. Terdapat sebanyak 2133 buah fail dalam kumpulan ini yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia.

Diskripsi Bahan

Kumpulan rekod ini terdiri daripada fail-fail pentadbiran dan perkhidmatan iaitu berkaitan organisasi pejabat kerajaan, pekeliling, minit mesyuarat; polisi pihak British di Malaya berkaitan dengan perlembagaan, pembentukan semula Malaya; Perkara berkaitan dengan pelajaran iaitu polisi, aliran agama, sekolah Melayu, Cina, Tamil dan English, sekolah teknikal, perguruan, pengajian tinggi, buku, skim gaji guru agama; Ekonomi iaitu industri bijih timah, getah, perikanan; Pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu; Laporan Tahunan Jabatan Pelajaran, Pengurusan Harta, Perhubungan Awam; serta hal berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan serta kewangan iaitu matawang zaman Jepun, perbelanjaan kerajaan negeri, jabatan dan sebagainya.

Di antara bahan berkaitan dengan sejarah negara dalam oleh kumpulan rekod ini ialah risikan yang dijalankan oleh pihak British ke atas Jepun di Tanah Melayu dari segi ekonomi, sokongan masyarakat tempatan dan kekuatan tentera Jepun di Tanah Melayu. Propaganda yang diedarkan oleh pihak British bagi mendapatkan sokongan penduduk Tanah Melayu. Propaganda untuk disiarkan di radio, akhbar, pamflet dan sebaran propaganda melalui ketua kampung; laporan berkenaan dengan kem tahanan semasa zaman Jepun, kem-kem tahanan tentera termasuk tahanan tentera Jepun selepas Jepun menyerah kalah, orang tahanan awam dan tentera, rakyat tempatan yang berkerja dengan pihak Jepun, maklumat berkenaan dengan suspek yang berkerjasama dengan Jepun, pemeriksaan tentera, kelengkapan perang; laporan perisikuan mingguan dan bulanan. Kegiatan Parti Malayan Peoples' Anti-Japanese Army (MPAJA) dan Malay Nationalist Party; polisi berkenaan dengan pelajaran, buruh wanita dan masalah kegiatan lanun di sekitar perairan Tanah Melayu.

Kumpulan Rekod Malayan Union

Sejarah Pentadbiran

Kumpulan rekod Malayan Union ini diwujudkan bermula pada 1 April 1946 apabila Malayan Union mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu dari British Military Administration. Malayan Union merupakan sebuah agensi pusat yang bertanggungjawab menyelia, menyelaras dan mengawal fungsi kerajaan British dan aktiviti-aktiviti jabatan kerajaan pada masa tersebut. Terdapat sebanyak 17,309 buah fail dalam kumpulan ini yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia. (Sistem COMPASS, ANM, 2005)

Diskripsi Bahan

Rekod terdiri daripada fail-fail mengenai hal-hal perkhidmatan dan pentadbiran am seperti penyusunan semula organisasi kerajaan selepas pembentukan Malayan Union dan pertukaran kakitangan, pencen, peraturan pejabat, organisasi jabatan; peranan pentadbiran awam dalam perancangan pembangunan, ekonomi dan perindustrian; perkhidmatan kesihatan di luar bandar; pelbagai seminar berkenaan dengan perdagangan dan guna tenaga; Suruhanjaya Perbandaran Pulau Pinang; banjir di Kelantan; laporan tahunan Jabatan Perancang Bandar, Galian, Statistik, Keretapi, Jabatan Kerja Raya, Parit dan Taliair, Perikanan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis dan Pertanian.

Di antara bahan berkaitan dengan sejarah negara dalam kumpulan rekod ini termasuk surat menyurat berkenaan dengan persempadanan Perak, Pulau Pinang, Johor dan Singapura; Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948; Keadaan ekonomi Tanah Melayu; laporan propaganda yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan secara harian, mingguan dan bulanan bagi melawan kegiatan komunis semasa darurat, catuan makanan semasa darurat; polisi berkaitan dengan buruh; maklumat syarikat Perancis yang melabur dalam industri bijih timah di Tanah Melayu; lawatan pegawai India bagi melihat keadaan buruh India yang bekerja di Tanah Melayu, kemasukan buruh daripada India, pengambilan buruh dari Jawa berkerja di pembinaan pengaliran Sungai Manik, Perak.

Kajian dan laporan berkenaan dengan Nutritional Survey di Malaya dan Mesyuarat Nutritional Advisory Board; laporan dan cadangan berkenaan dengan latihan kepada wanita Melayu di Eropah; maklumat berkenaan dengan orang India yang terlibat dengan Indian National Army; laporan berkenaan dengan ekonomi Malaya; masalah pemilikan tanah, kegunaan tanah pada zaman Jepun dan pampasan kepada pemilik tanah yang dirampas semasa zaman pendudukan Jepun; laporan berkenaan pembinaan landasan keretapi Burma-Siam; Memorandum berkenaan dengan masalah makanan di Malaya; penyakit batuk kering di Malaya dan penyelidikan berkenaan dengan masyarakat orang asli.

Kesimpulan

Sumber-sumber bahan berkaitan dengan zaman pentadbiran British di Tanah Melayu merupakan kumpulan rekod terbesar yang terdapat dalam simpanan ANM sebelum negara mencapai kemerdekaan. Rekod yang diwujudkan semasa kerajaan menjalankan pentadbiran telah memberi gambaran yang jelas berkenaan keadaan sosial, ekonomi dan politik di Tanah Melayu pada zaman tersebut. Polisi, dasar dan peraturan yang telah dikuatkuasa dan dilaksanakan telah banyak mengubah corak pendekatan pentadbiran dan memberi kesan yang besar kepada struktur sosial, ekonomi dan politik di Tanah Melayu selepas negara mencapai kemerdekaan. Kewujudan kumpulan rekod ini juga dapat membantu penyelidik menjalankan kajian berkaitan dengan Tanah Melayu pada zaman tersebut.

Rujukan

- Arkib Negara Malaysia. (2005). *Sistem COMPASS (Computerised Archival System and Services)*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia. (1967). *Senarai Penerimaan 1957-1967*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia. (1982). *Panduan Rekod-rekod Kerajaan Negeri*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia. (1986). *Panduan Rekod-rekod Kerajaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- Arkib Negara Malaysia. (1993). *Panduan Sumber-sumber Sejarah Malaysia. Panduan Rekod-rekod Negeri*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia. (1993). *Panduan Sumber-sumber Sejarah Malaysia. Panduan Rekod-rekod Persekutuan*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia.(1998). *Majlis Pelancaran Rekod-rekod Elektronik, fail-fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia. (2001). *Mat Kilau Pahlawan Pahang*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Badriyah Hj. Salleh dan Tan Liok Ee (penyelenggara). (1997). *Alam Pensejarahan: Dari pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Francis Loh Kok Wah.(1997). Pensejarahan Industri Perlombongan Bijih Timah Di Malaysia dalam Badriyah Hj Salleh dan Tan Liok Ee (penyelenggara). *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 311-322.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (1986). *Pengertian Sejarah: Beberapa Perbahasan Mengenai Teori Dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- National Archives, Federation of Malaya. (1963). *Report of the Public Records Office and National Archives 1958-1962*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Raiha Bt. Mohd Saud.(2008). *Pengurusan Warisan Negara-Usaha Untuk Selamanya, Kertas kerja*, Jabatan Muzium Negara, Kuala Lumpur.
- SUK Selangor 562/92, Pahang Disturbance. Report from Col. Walker dated 16th May 1892.
- SUK Selangor 579/92, Pahang Disturbance. Report from Col Walker dated 24 May 1892.
- _____. (2009). *Perjanjian Dan Dokumen lama 1795-1965 (Old Treaties and Documents of Malaysia)*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.